

06/01/2003

Malaysia beri tarikh baru meterai perjanjian

Ahmad Fauzi Mustafa; Amad Bahri Mardi

KOTA TINGGI: Malaysia akan mengemukakan tarikh baru kepada Singapura bagi menandatangani perjanjian khas berhubung tuntutan republik itu ke atas Pulau Batu Putih untuk dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata perjanjian khas antara Malaysia dan Singapura itu seharusnya dibuat di rantau ini serta dilaksanakan secepat mungkin.

Katanya, Malaysia mungkin mencadangkan kepada Singapura mesyuarat itu diadakan bulan ini atau ketika Mesyuarat Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur bulan depan.

"Kita akan mencadangkan tarikh untuk menandatangani, saya lebih suka ia ditandatangani di Malaysia. Jika dia (Singapura) nak menandatangani di Singapura, kita tak ada masalah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan Unit Haemodialisis Hospital Kota Tinggi di sini, semalam.

Malaysia sebelum ini menolak cadangan Singapura supaya perjanjian itu dibuat di Brussels ketika Mesyuarat Asean-Kesatuan Eropah (EU) pada 27 dan 28 Januari ini kerana menganggap tidak sesuai dengan agenda mesyuarat itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, di Langkawi kelmarin, Malaysia tidak bersetuju dengan cadangan Singapura memilih Brussels sebagai tempat menandatangani perjanjian khas itu.

Perdana Menteri turut mempersoalkan tindakan Singapura memilih tempat yang begitu jauh untuk menandatangani perjanjian khas itu, sedangkan ia boleh dilakukan di sini.

Syed Hamid berkata, beliau mengambil pandangan Dr Mahathir dalam mencadangkan perjanjian itu ditandatangani di rantau ini.

"Kebiasaannya, kita (Malaysia) bertindak cepat dan kalau tarikh tidak sesuai, kita beri jawapan dengan cepat dan cadang tarikh lain. Besar kemungkinan kita boleh buat pada Januari ini.

"Kalau tidak, saya fikir pada bulan Februari. Kita akan tengok, kalau nak buat di samping mesyuarat NAM, Singapura adalah anggota NAM dan ia boleh dilakukan di Kuala Lumpur, tak menjadi masalah," katanya sambil menambah, beliau kemungkinan besar tidak dapat hadir jika mesyuarat itu diadakan di Brussels.

Beliau berkata, berbeza dengan Malaysia, "Singapura lebih suka mengumumkan tarikh yang mereka cadangkan berhubung isu itu kepada media di republik itu sebelum memaklukkannya kepada Malaysia.

"Saya (selaku Menteri Luar) tak umumkan tarikh di surat khabar... kita dah hantar, jadi tak terkejut, kita tidak mahu sesiapa pun dipersalahkan. Kalau kita tidak boleh buat (tandatangani perjanjian khas), "ia kerana tarikh itu tidak sesuai," katanya.

Syed Hamid berkata, Malaysia memberi tarikh alternatif kepada Singapura jika tarikh yang dicadangkan itu tidak sesuai.

Katanya, Malaysia telah mengemukakan kira-kira tujuh tarikh sejak tahun lalu untuk dipertimbangkan oleh Singapura tetapi tidak mendapat maklum balas.

"Saya tak nak hanya gambaran diberi, seolah-olah ini kali pertama kali tarikh yang diberi. Kita punya masalah ialah bila kita beri, kadang-kadang kita beri tarikh alternatif tapi dia (Singapura) bagi hanya satu tarikh dan umumkan dulu dalam akhbar," katanya.